



GIATMARA SENDIRIAN BERHAD

## KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
GM 400/DH/001/2021	CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT BAGI PEMANTAUAN PROJEK KESELAMATAN DAN RANGKAIAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB), PEJABAT KPLB NEGERI DAN PUSAT KOMUNITI DESA DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA	210101, 210103 & 210108	03/03/2021 Hingga 10/03/2021	11/03/2021 Rabu Pendaftaran: 12.00 Tengahari  Sesi Taklimat akan diadakan secara maya (Video Conference). <i>Link</i> akan disertakan di emel.	RM 5.00	18/03/2021 (Sebelum 12.00 Tengah Hari)

1. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-

- Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
- Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor **BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGANMALAYSIA**

2. Satu (1) salinan SIJIL ASAL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **GIATMARA** semasa mengambil dokumen. **GIATMARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **GIATMARA** ianya tidak layak. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**

3. **Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan.

4. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi **pada waktu Pejabat (9.00 pagi – 12.30 tengahari)** di **Wisma GIATMARA** seperti **alamat di bawah**. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat sama ada melalui **tunai/wang pos** atas nama **GIATMARA SDN. BHD.** Wang ini tidak akan dikembalikan.

5. **Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.**

6. **GIATMARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **GIATMARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

7. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** seperti alamat di bawah:-

Ketua Pegawai Eksekutif  
GIATMARA Sdn. Bhd.  
Wisma GIATMARA  
No. 39 Jalan Medan Tuanku  
50300, Kuala Lumpur

Pada atau **sebelum** tarikh tutup sebut harga jam **12.00 tengahari**

8. Dokumen sebutharga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebutharga tidak akan diterima dan akan ditolak.

9. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.giatmara.edu.my>

**Perhatian:** Adalah diingatkan bahawa prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan di bawah PKPB hendaklah sentiasa dipatuhi bagi urusan sebut harga di atas.